

# *Majlis Pelancaran*

## **KEMPEN KAMI PRIHATIN**

### **“APAKAH DOSAKU”**

#### **PERINGKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

DIRASMIKAN OLEH  
**YABHG. DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR**  
**ISTERI PERDANA MENTERI MALAYSIA**



**kami  prihatin**

Tarikh : 24 Januari 2011 (Isnin)  
Masa : 3:30 Petang  
Tempat : Kompleks Sukan UMP

Anjuran



**Universiti  
Malaysia  
PAHANG**  
Engineering • Science • Community

**matahari**  
Matahari Bersinar UMP Berseri



**Utusan**  
PENYERIK PERSAMA RAYAT



**astro**

Dengan Kerjasama



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



## *Setitis Tinta*

Bismillahirrahmanirrahim



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Generasi muda yang ada pada hari ini merupakan kelompok harapan kita untuk meneruskan kesinambungan agenda pembangunan nasional sebagai pewaris dan peneraju masa hadapan. Anak-anak muda ini membentuk sebahagian besar dari jumlah keseluruhan rakyat Malaysia, sekaligus menjadi kelompok kritis yang memerlukan perhatian khusus dari kita.

Kepesatan pembangunan material perlu diseimbangkan dengan pembangunan spiritual dan kendiri masyarakat, termasuklah generasi muda sebagaimana yang telah digariskan dalam Wawasan 2020. Namun begitu, peningkatan kes pembuangan bayi di kalangan muda-mudi ini amatlah mendukacitakan dan telah memberi isyarat waspada kepada kita supaya menyedari bahawa gejala ini merupakan virus yang akan merosakkan institusi masyarakat sekiranya tidak dibendung.

Dalam konteks ini, saya ingin mengingatkan kepada semua lapisan masyarakat bahawa tiada seorang pun yang dikecualikan dalam mendidik golongan ini dan sekaligus membanteras gejala sosial ini. Sama ada inisiatif secara individu atau berkelompok, besar atau kecil, semuanya berupaya menjadi satu jentera untuk menangani penyakit ini dari terus tersebar. Persepsi masyarakat terhadap golongan ini juga perlu diubah supaya golongan ini tidak terus hanyut dibawa arus permodenan.

Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Universiti Malaysia Pahang di atas usaha murni ini dalam melancarkan kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku” di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Saya berkeyakinan penuh bahwasanya kempen seumpama ini mampu dijadikan landasan kepada semua warga siswa dan siswi sekalian untuk berganding bahu bersama-sama dengan kerajaan dalam membendung gejala pembuangan bayi ini.

Akhir kata, saya mendoakan supaya kempen ini berjalan dengan lancar dan memberikan kesan dan impak yang maksima dan positif kepada golongan muda-mudi ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rosmah". It is written in a cursive style with two horizontal lines above and below the main signature.

**Datin Paduka Seri Rosmah Mansor  
Isteri YAB Perdana Menteri Malaysia**

# *Sekapur Sirih Seulas Pinang*



Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berbangga kerana dapat turut serta dalam kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku?” peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dipelopori oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Inisiatif untuk melebarkan perimeter kempen Kami Prihatin yang dicetuskan oleh Utusan Malaysia sejak bulan Mac 2010 yang lalu ke lapangan kampus merupakan usaha terpuji bagi menyuntik kesedaran tinggi dalam kalangan masyarakat kampus mengenai parahnya gejala pembuangan bayi di negara ini.

Justeru, para cendekiawan dan mahasiswa di IPTA mempunyai tanggungjawab untuk turut serta membantu kerajaan bagi menangani masalah sosial ini. Dalam konteks ini, cendekiawan berupaya mengutarakan cadangan penyelesaian melalui penyelidikan yang dijalankan, manakala mahasiswa pula boleh berganding bahu sesama mereka atau bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menganjurkan aktiviti kesedaran secara sukarela yang bersesuaian di peringkat kampus dan komuniti.

Dalam hubungan tersebut, pelancaran kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku?” peringkat IPTA pada hari ini menjadi lambang sensitiviti dan kekhuitiran warga kampus terhadap akibat buruk gejala pembuangan bayi terhadap institusi sosial di negara ini.


Saya menyanjung tinggi komitmen yang telah diperlihatkan oleh Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Majlis Perwakilan Pelajar UMP serta amat menghargai kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Utusan Malaysia, Berita Harian, Astro Awani dan semua pihak bagi menjayakan kempen ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin".

**Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin**  
**Menteri Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

## *Secarit Manikam Tinta*



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Kempen Kami Prihatin yang bertujuan untuk membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap gejala penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada hari ini.

Tahniah dan terima kasih saya ucapan kepada Pihak ASTRO, Kumpulan Utusan Malaysia dan Karyawan di atas inisiatif untuk menyambut perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di dalam menangani isu-isu penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi. Tahniah juga diucapkan kepada pihak pengajur dan semua di UMP kerana telah sudi untuk bersama kami menggerakkan kempen Kami Prihatin di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Adalah menjadi harapan saya dan KPWKM agar kempen ini turut dijadikan sebagai landasan untuk mengimplementasikan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak di setiap premis yang berkaitan seperti sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan kawasan-kawasan tumpuan awam, agar mesej pentingnya melindungi kanak-kanak dapat disebar dengan lebih luas.

Di sebalik pelbagai pendedahan yang telah dibuat oleh pihak media massa mengenai gejala sosial, kes-kes penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi ini masih tetap berleluasa. Hakikat bahawa kebanyakan kes pembuangan bayi melibatkan pasangan remaja, termasuklah yang masih menuntut di sekolah atau di institusi pengajian tinggi, mengetuk pintu minda kita untuk khuatir akan keampuhan akhlak generasi muda sebagai kelompok harapan bagi meneruskan agenda pembangunan dan aspirasi negara. Kesedaran warga IPT terhadap seriusnya gejala penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi sewajarnya diterjemahkan dalam apa jua bentuk yang menambah nilai kepada usaha penyelesaian isu-isu gejala sosial di negara ini.

Syabas kerana menjadi warga Malaysia yang prihatin!

Salam hormat.

**Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat**

# *Sepatah Kata Seulan Bicara*



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1Malaysia.

Penganjuran kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku?” merupakan manifestasi cetusan kesedaran warga Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terhadap gejala pembuangan bayi yang merupakan salah satu penyakit sosial di negara ini.

Gejala pembuangan bayi yang banyak melibatkan pasangan muda-mudi adalah satu ancaman serius kepada kestabilan masyarakat dan masa hadapan negara. Justeru, komitmen untuk menangani barah sosial ini haruslah dipancarkan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa menyandarkan tanggungjawab penyelesaian kepada Kerajaan semata-mata.

Melalui kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku?”, komuniti kampus khasnya dan massa amnya diajak untuk sama-sama berganding bahu bagi mengenal pasti penyelesaian yang wajar terhadap gejala pembuangan bayi. Apa yang penting ialah untuk semua pihak menginsafi bahawa “mencegah itu adalah lebih baik dari merawat.”

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan rakan-rakan IPTA lain amat berbesar hati kerana dapat turut serta bersama-sama membantu Kerajaan menangani kemelut sosial ini melalui kempen Kami Prihatin – “Apakah Dosaku?”

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dirakamkan kepada YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri YABhg Perdana Menteri atas sokongan padu yang diberikan terhadap penganjuran kempen ini. Turut dihargai adalah dukungan pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat, Utusan Malaysia, Berita Harian, Karyawan dan Astro Awani bagi menjayakan kempen ini.

Syabas dan tahniah kepada Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Majlis Perwakilan Pelajar UMP atas komitmen yang telah diperlihatkan untuk merealisasikan usaha murni ini.

Salam hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Nasir Ibrahim".

**Profesor Dato' Dr.Daing Nasir Ibrahim**  
**Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang**

## *Pendahuluan*

Majlis Pelancaran Kempen Kami Prihatin - "Apakah Dosaku" Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini adalah anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (Matahari) dengan sokongan dan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, Utusan Malaysia, Astro dan Karyawan.

---

## *Latar Belakang*

Kes buang bayi di negara ini semakin serius apabila ia meningkat mendadak lebih 54 peratus sejak Januari sehingga hari ini berbanding lapan bulan pertama tahun lalu (Utusan Malaysia 17 Ogos 2010). Statistik terbaru dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan, terdapat 65 kes buang bayi dilaporkan di seluruh negara sejak awal tahun ini berbanding hanya 42 kes dalam tempoh sama tahun lalu. Sejak tahun 2005 sehingga kini, terdapat 472 kes buang bayi dilaporkan di seluruh negara di mana 214 bayi yang ditemui masih hidup manakala 258 lagi sudah meninggal dunia.

Berdasarkan statistik tersebut, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Persatuan Wanita UMP (Matahari) berganding bahu dan bekerjasama dengan melancarkan Kempen Kami Prihatin - "Apakah Dosaku" Peringkat IPT bagi mengadakan kempen kesedaran membendung gejala tersebut dewasa ini.

Pelancaran Kempen 'Apakah Dosaku' ini menyokong menjayakan Kempen Kami Prihatin yang dianjurkan pihak Utusan Malaysia dengan kerjasama Astro, Karyawan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai gejala sosial pembuangan bayi. Bagi menunjukkan komitmen daripada semua IPT turut diadakan Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi IPT dan Malam Puisi Riong dengan kerjasama Berita Harian bersempena menjayakan kempen itu nanti. Pendekatan sastera bertemakan 'Apakah Dosaku' ini akan mendidik masyarakat sama-sama menangani ancaman gejala sosial ini. Justeru, penganjuran Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi IPT dan Malam Puisi Riong ini akan menjayakan hasrat melahirkan masyarakat pembaca dan pengguna yang mempunyai kesedaran dalam kemajuan material dan intelektual.

# *Objektif Program*

- Menyampaikan kesepaduan suara dan keperihatinan terhadap isu penderaan, pembuangan dan pembunuhan bayi dan kanak-kanak di Malaysia daripada seluruh warga mahasiswa-mahasiswi IPT dan kakitangan Universiti melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
- Menyokong hasrat kerajaan bagi memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai gejala buang bayi melalui bait-bait puisi / lagu-lagu puisi yang akan diilhamkan oleh setiap IPTA/IPTS dan akan dideklarasikan oleh wakil IPTA / IPTS atau wakil artis-artis puisi jemputan melalui media-media cetak dan media-media elektronik (hasil daripada persembahan Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi IPT – “Apakah Dosaku.”)
- Memupuk kesedaran dan melancarkan Kempen “Apakah Dosaku” di kalangan warga IPT dan pelancaran lagu “Ini Dosa Siapa” sebagai lagu puisi tema Program Malam Puisi Riong dan kempen “Apakah Dosaku” Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- Membina dan mengekalkan kesinambungan hubungan media dengan kelompok intelek, sastera dan masyarakat dalam usaha melahirkan masyarakat pembaca dan pengguna yang mempunyai kesedaran dalam kemajuan material dan intelektual.
- Menyokong pelaksanaan Program Kami Prihatin bersama rakan media lain seperti Utusan Malaysia, Karyawan, Astro dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat kepada generasi baharu yang terdiri di kalangan pelajar sekolah dan IPT.

# *Atur Cara*

- 2:30 petang : Ketibaan Dif-dif Jemputan
- 3:00 petang : Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor UMP  
Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim & Isteri
- 3:05 petang : Ketibaan Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP
- 3:10 petang : Ketibaan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi  
Dato' Saifuddin Abdullah dan Isteri
- 3:15 petang : Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat  
Dato' Seri Sharizat Datuk Abdul Jalil
- 3:20 petang : Ketibaan Menteri Besar Pahang  
Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob
- 3:30 petang : Ketibaan isteri Perdana Menteri Malaysia  
: YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor  
: Bacaan Doa
- 3:45 petang : Ucapan Alu-Aluan oleh Naib Canselor UMP  
: Ucapan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat  
: Ucapan Perasmian YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor,  
Isteri Perdana Menteri Malaysia  
: Persembahan Montaj dan Gimik  
: Nyanyian Lagu Tema "Ini Dosa Siapa"  
: Persembahan Puisi oleh Pemenang Sayembara Puisi  
: Persembahan Puisi oleh Wakil MPP  
: Persembahan Puisi oleh Artis Tempatan  
: Penyampaian Hadiah dan Cenderahati
- 5:30 petang : Jamuan/Bersurai

# Lagu Tema

## Ini Dosa Siapa

*Apakah dosa apakah salahnya  
Kelahiran tak direstu*

*Terik matahari  
Dingin embun pagi  
Duri ranjau mengiringi*

*Terbuang di lorong  
Terbunuh dibunuh  
Malang dan seksa bertaut*

*Sejak mula menjengah dunia  
Jalan hidupnya berliku*

*Khilaf ayah bonda  
Hanyut dalam noda  
Anak malang jadi mangsa*

*Tiada belaian  
Juga kasih sayang  
Untuk anak yang terbuang*

*Ibu  
Dengarlah rintihan anakmu ibu  
Yang dahaga  
Belaian kasihmu*

*Ayah  
Lindungi dan bimbingslah oh anakmu  
Yang kembara  
Di atas dunia*

*Dengarlah insani  
Rintih anak suci  
Yang malang kerana ayah bonda*

*Berikan belaian  
Beri kasih sayang  
Fitrah kita sesama manusia*

Lagu : S.Atan  
Lirik : Siso Kopratasa

*Tajaan*

**CELESTRA**  
**Network Communications**

**Celestra Network Communications Sdn. Bhd.**

45, Jalan Equine 9, Taman Equine,  
Bandar Putra Permai 43300 Seri Kembangan  
Selangor, Malaysia.

**Tel : +603-8941 2960**  
**Fax : +603-8941 2981**  
**<http://www.cnc.net.my>**

*Tajaan*



*Leisure at its best!*

**Sentoria Themeparks & Resort Sdn. Bhd.**

KL Office  
No. 56 & 58, Jalan Dagang SB 4/2  
Taman Sg. Besi Indah  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan

**Tel:+603-8941 9898  
Fax:+603-8941 4849**

#### **Resort Address**

Jalan Bukit Gambang Utama  
Bukit Gambang Resort City  
26300 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

**Tel:+609-548 8000  
Fax:+609-548 6888  
<http://www.bgrc.com.my>**

*Tajaan*

**Percetakan Info Meditasi  
Sdn. Bhd.**

No 44, Jalan Seri Aman,  
Taman Seri Aman,  
43200 Cheras,  
Selangor Darul Ehsan

**Tanjung Network Resources  
Sdn. Bhd.**

Lot 25, PMINT,  
Bandar Baru Kerteh  
24300 Kerteh,  
Kemaman Terengganu

**Jakel Trading**

No 15 Jalan Aji 84000 Segamat  
Johor Darul Takzim

**Isuzu Hicom Malaysia Sdn. Bhd.**

DRB Hicom  
Wisma DRB-HICOM,  
Jalan Usahawan U1/8,  
Section U1, Shah Alam,  
40150 Selangor

# *Sekalung Budi*



***Universiti Malaysia Pahang (UMP)***

*dengan segala sukacitanya  
merakamkan setinggi-tinggi  
penghargaan kepada semua pihak  
yang terlibat secara langsung maupun  
tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.*

